

MASJID BESI, PUTRAJAYA: REKABENTUK DAN HUBUNGANNYA DENGAN SENIBINA ISLAM

Noorzahidah Mohd Zain^{*}

Anitha Rosland^{**}

Asyiqin Ab Halim^{***}

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid^{****}

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

E-mail: noorzahidahmohdzain@gmail.com

Abstrak

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau dikenali sebagai Masjid Besi yang terletak di Presint 3, Putrajaya, Malaysia dibina berdasarkan reka bentuk moden dan senibina Islam. Masjid ini merupakan satu-satunya masjid yang menggunakan 6000 tan besi atau 70 peratus bahan binaan dalam pembinaannya, lantas ia dikenali sebagai Masjid Besi. Meskipun masjid ini mempunyai senibina Islam, namun kajian yang dilakukan mendapati bahawa ia tidak menepati seratus peratus senibina Islam kerana ia lebih bersifat moden. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai reka bentuk senibina Masjid Besi, dengan melihat hubungannya dengan senibina Islam dan unsur-unsur pengaruh-pengaruh lain yang terdapat pada senibina masjid tersebut.

Kata Kunci: Masjid, Masjid Besi, reka bentuk, senibina Islam

Abstract

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin also known as Masjid Besi located in Precint 3, Putrajaya, Malaysia is built based on design modern contemporary and Islamic architecture. This mosque is the one only mosque which uses 6000 tonnes of steel or 70 percent building material during the construction, thus it is known as Masjid Besi. This study found that, this masjid is not one hundred percent based on Islamic architecture because it is more inclined to modern design. Therefore, this paper will discuss the design of the Masjid Besi design architecture, by examining the relationship Islamic architectural with other elements influences exist on mosque architecture.

Keywords: Mosque, Masjid Besi, design, Islamic architecture

^{*} Pelajar Ijazah Sarjana di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

^{**} Pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

^{***} Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

^{****} Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang mencakupi semua bidang kehidupan manusia. Maka tidak dinafikan, Islam juga mempunyai peranan dalam hal kesenian termasuklah bidang seni bina.

Seni adalah salah satu aspek yang terkandung dalam lingkungan budaya. Hasilnya seni ditonjolkan melalui bentuk fizikal seperti kubah dan tulisan-tulisan pada ukiran-ukiran yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran. Syed Qutb ada menyatakan bahawa Islam tidak anti seni, malah menginginkan umat Islam yang lebih kreatif dalam membentuk kesenian Islam.

Maka, pembinaan Masjid Besi adalah salah satu unsur daripada kesenian Islam yang mana Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, dikenali sebagai Masjid Besi yang terletak di Presint 3, Putrajaya, Malaysia. Masjid ini mula dibina sejak April 2004, siap sepenuhnya pada Ogos 2009 dan telah dibuka pada hari Jumaat malam, awal Ramadan 1430 H. Ia dapat menampung kira-kira 24,000 penduduk dan penjawat kerajaan sekitar pusat bandar serta kawasan Presint 2, 3, 4 dan 18. Masjid ini mampu memuatkan 20,000 jemaah, melebihi kapasiti Masjid Putra yang hanya mampu memuatkan 15,000 jemaah pada satu-satu masa. Masjid ini yang mempunyai keluasan sekali ganda berbanding Masjid Putra yang terletak kira-kira 2.2 kilometer ke utara, bakal menjadi mercu tanda baru Putrajaya. Masjid ini direka berdasarkan tiga konsep¹ iaitu terbuka, berangin dan telus.² Kira-kira 6,000 tan keluli digunakan bagi pembinaan tersebut yang mewakili kira-kira 70% manakala selebihnya adalah konkrit.

¹Aspek yang pertama iaitu aspek terbuka yang amat ketara sebaik sahaja apabila seseorang memasuki ruang dalam masjid ini. Idea atau konsep utama rekebentuk masjid diperolehi dari surah Al-Baqarah, ayat 57 di mana Allah S.W.T. telah berfirman, "dan Kami naungi kamu dengan awan...." Ayat ini menceritakan bahawa dalam satu perjalanan Rasulullah s.a.w dari Makkah ke Syam, Rasulullah s.a.w telah dilindungi daripada panas terik matahari oleh awan sepanjang perjalanan Rasulullah s.a.w. Awan ini pula diterjemahkan ke dalam rekabentuk bangunan Masjid Tuanku Mizan yang mempunyai bumbung (*Flat Roof*) yang besar dan luas untuk membolehkan Dewan Solat Utama yang terbuka. Aspek yang kedua pula ialah aspek berangin yang mana mempunyai ruang dalamnya yang luas dan terbuka, maka ruang ini menjadi berangin tambahan pula kedudukan masjid yang terletak di tepi tasik yang dipenuhi oleh ion-ion udara yang positif, segar dan bersih yang menghembus ke ruang solat dalam masjid. Manakala aspek yang ketiga adalah aspek ringan yang membawa maksud tiada struktur-struktur konkrit besar digunakan sebaliknya bahan besi digunakan untuk mencapai matlamat ini. Besi digunakan sebagai struktur utama kerana ia menyenangkan kerja-kerja pembinaan terutama sekali untuk sebuah bangunan yang mempunyai 'Volume' yang besar di mana pembinaannya menggunakan bahan konkrit adalah amat sukar di kawasan-kawasan tinggi bangunan dari segi rekabentuk dengan kehalusan yang dikehendaki oleh arkitek. Penggunaan besi juga dapat mempercepatkan kerja-kerja pembinaan. Ia dapat difabrikasikan dan dibentuk di kilang sebelum dibawa dan dipasang ke tapak pembinaan. Hasil Temubual dengan Encik Faridz Amli, Jurutera Perbadanan Putrajaya tentang Rekabentuk Masjid Besi, Putrajaya 22 Mac 2011, jam 3.30 petang.

²*ibid.*

Masjid Besi, Putrajaya mempunyai keistimewaan tersendiri, antaranya tiada pemasangan kipas ataupun alat penyaman udara, sebaliknya menggunakan gas penyejuk (*gas district cooling* atau GDC). Selain itu, masjid ini turut menggunakan Senibina Jaringan Wayar (*Architectural Wire Mesh*) atau Anyaman Masyrabiah³ yang diimport dari Jerman dan China (turut dipasang di Stadium Bernabéu, Madrid dan Perpustakaan Negara Perancis yang dikenali *Bibliothèque Nationale de France*). Pintu gerbang masuk masjid menggunakan konkrit bertetulang kaca (GRC) bagi mempertingkatkan integriti sesebuah struktur serta kaca hablur, menjadikan masjid kelihatan berwarna putih dari jauh.

Terdapat sebuah jejantas yang menghubungkan Dataran Putrajaya ke kawasan masjid ini yang dikenali sebagai Kiblat Walk seluas 13,639 m². Jejantas ini dihiasi dengan kolam air seumpama berada di kawasan kota istana purba Al-Hambra. Hiasan dalamnya dilatari ukiran Asma ul-Husna menggunakan tulisan kaligrafi dari jenis Khat Thuluth. Pintu utama menuju ke ruang solat utama terukir ayat suci al-Quran dari surah Al-Israa' ayat ke-80.

Pembinaan dinding mihrab diperbuat daripada panel kaca setinggi kira-kira 13 meter, diimport dari Jerman. Di dinding mihrab terukir dua baris ayat dari surah Al-Baqarah pada bahagian kanan dan surah Ibrahim di sebelah kiri. Uniknyanya, dinding mihrab ini tidak memantulkan⁴ kesan dari pancaran cahaya atau lampu, menjadikan ukiran kaligrafi ayat suci berkenaan yang berwarna keemasan kelihatan jelas dan seolah-olah terapung di udara. Bahagian tepi bumbungnya sepanjang 40 kaki pula mampu mengelakkan jemaah yang bersolat di luar dewan solat utama terkena tempias hujan.

Selain sebagai tempat beribadat, masjid ini juga berfungsi sebagai pusat sehenti pembelajaran termasuk pengajian kelas fardu ain, ruang perniagaan serta kediaman imam. Di samping itu, ia turut menganjurkan aktiviti keagamaan di bawah pengurusan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) untuk mengatur segala aktiviti keagamaan sebaik sahaja masjid ini siap sepenuhnya. Masjid ini juga telah menjadi salah satu mercu tanda baru di Wilayah Putrajaya dan merupakan masjid di tengah-tengah bandar raya, juga dikenali sebagai Masjid Bandar Raya.⁵

SENIBINA ISLAM DAN SEJARAH PERKEMBANGAN SENI BINA MASJID DI MALAYSIA

Islam tidak pernah dikenali sebagai agama pemisah antara duniawi dan ukhrawi, antara politik dan pemerintahan, antara urusan peribadi dan lapangan kemasyarakatan. Sifatnya sebagai ad-din memberikan ruang lingkup yang luas di dalam berbagai-bagai bidang terutamanya budaya dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syariat. Jauh sekali dari tanggapan beberapa golongan yang melihat seni sebagai serpihan yang terpisah dari ajaran agama. Malahan tempat beribadah bagi menyatakan dan

³ Digunakan bagi melindungi masjid yang tanpa dinding daniannya bersesuaian dengan konsep ketelusan kerana kita sebagai manusia hanya hidup di dunia untuk sementara waktu sahaja dan apa-apa perkara yang dilakukan oleh setiap manusia akan diketahui Allah S.W.T. Setiap manusia tidak boleh berselindung di mana-mana tempat ataupun dengan apa-apa perbuatan. Konsep ketelusan ini diterjemahkan ke rekabentuk bangunan dengan merekabentuk sebuah masjid yang terbuka tanpa dinding. Sebaliknya, masjid ini dilindungi oleh Skrin Mashrabiyah. Skrin Mashrabiyah diperbuat daripada kombinasi struktur besi atau 'steel latticework' dan anyaman besi tahan karat atau 'Architectural Woven Wire Mesh' yang diimport dari Jerman. *Ibid.*

⁴ Kepingan cermin yang digunakan mempunyai ciri anti-pantulan cahaya yang memberi kesan seolah-olah tulisan khat aya-ayat suci tersebut terapung-apung. *Ibid.*

⁵ http://www.masjidtuankumizan.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=50&Itemid=60

melafazkan kebesaran Allah S.W.T. secara berjemaah juga dihias dengan kesenian yang melambangkan rasa kudas yang tidak terhingga.

Terlebih dahulu penulis menjelaskan beberapa pengertian mengenai pengertian-pengertian atau istilah-istilah yang berhubung dengan tajuk yang dikaji sebelum tajuk ini dibincangkan dengan lebih terperinci. Reka bentuk iaitu (reka bentuk) rancangan (corak, bentuk dan sebagainya) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan dan sebagainya)⁶.

Manakala Seni pula mempunyai maksud yang pelbagai. Seni ialah halus (kecil, elok), tipis dan halus. Seni juga bermaksud karya (sajak, lukisan, muzik, dan lain-lain) yang dicipta dengan bakat (kecekapan) hasil daripada sesuatu ciptaan. Selain itu, seni juga bererti (orang yang mempunyai) kebolehan untuk mencipta sesuatu yang luar biasa⁷.

Selain itu, Senibina pula bermaksud seni mengenai bangunan (penyediaan reka bentuk dan penyeliaan pembinaan bangunan dan sebagainya).⁸ Ia juga bermaksud pelbagai jenis binaan yang dibuat menggunakan bahan api, kayu, konkrit dan sebagainya.⁹

'Senibina' merupakan seni yang sama pentingnya dengan 'Seni Khat'. Seseorang itu boleh mengatakan bahawa bidang ini menduduki kedudukan utama berbanding seni lain yang membentuk persekitaran, *ambience* manusia dan menjadikannya senada dengan *barakah Islamiah*. Kebanyakan daripada seni sampingan lainnya seperti ukiran kayu, seni mozek, pahatan dan lain-lain hidup di bawah naungan "Senibina".¹⁰

Senibina masjid dianggap sebagai pusat segala kegiatan keislaman dan di situ jugalah terpancar segala aktiviti kesenian. Seni kaligrafi yang indah, hiasan arabes yang mengagumkan terukir di ruang masjid melahirkan keharmonian kepada sesiapa yang beribadat di dalamnya.¹¹

Senibinajuga berkait rapat dengan ilmu bangunan iaitu satu manifestasi kekuatan rohani yang hidup di kalangan bangsa-bangsa. Setiap bangsa yang didorong ke arah kemajuan pasti mempunyai kepintaran ilmu bangunan. Alfred Fred Frazer berpendapat bahawa senibina Islam merupakan gambaran dalam bentuk sistem politik atau ekonomi. Tumpuan utamanya ialah bangunan masjid, madrasah, istana, pasar dan rumah kediaman. Selain daripada ketinggian agama, ia juga melambangkan kemakmuran sosial dan ekonomi.¹²

⁶Noresah Baharom, et. al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h. 1305.

⁷*Ibid.*, h. 1452.

⁸*Ibid.*, h. 1245.

⁹ Ensiklopedia Dunia Melayu, Jil.5 (1997), Kuala Lumpur : Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd., h. 2192.

¹⁰ Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Konsep Seni Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 63.

¹¹ Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, h. xxiii.

¹² Mahayudin Hj. Yahaya (1998), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 433.

Dalam al-Quran dan hadis terdapat cerita-cerita tentang keindahan bangunan bangsa-bangsa zaman silam, seperti kota Iran yang diduduki oleh 'Ad. Rasulullah s.a.w. sendiri menggalakkan penganutnya membuat binaan terutama masjid.¹³

Para ahli senibina Islam menggabungkan air, timah (bangunan) dan pokok-pokok dalam bentuk yang indah-indah menjadi taman dan istana yang indah seperti al-Hamra di Granada, Madinatul-Zahra di Cordova, Taj Mahal di Agra. Senibina Islam juga menekankan soal kesederhanaan dan melarang pembaziran di mana Islam menyuruh penganutnya bersederhana dalam segala hal dan melarang pembaziran kerana dalam setiap perkara yang dilakukan mestilah berpada-pada supaya tidak menimbulkan perasaan riak dan bermegah-megah dengan sesuatu yang kita lakukan terutamanya dalam pembinaan masjid yang mana pembinaannya adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah S.W.T bukannya bermegah-megah dengan binaan yang terlalu indah dan agung yang terdapat padanya. Hal ini bersesuaian dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: " Aku tidak disuruh meninggikan masjid dan mengukuhkannya". Ibnu Abbas menyatakan bahawa Umar al-Khattab semasa memerintah menasihatkan para gabenor supaya tidak membina bangunan-bangunan yang tinggi, begitu juga para sahabat yang lain.¹⁴

Seseorang haruslah memberi perhatian terhadap pelbagai bentuk geometri yang simbolik yang terdapat pada 'Senibina Islam' yang menghubungkan bentuk-bentuk luaran dengan makna dalaman dan antara kegunaan 'Senibina' dengan kepentingan kejiwaan. Kubah, misalnya selain berfungsi sebagai siling bagi melindungi kepanasan dan kesejukan juga merupakan simbol lengkungan langit dan pusatnya, *axis Mundi* yang menghubungkan kewujudan alam kepada Yang Maha Esa.¹⁵

Konsep utama senibina Islam ialah untuk membangkitkan rasa aman, damai dan merendahkan diri ke hadrat Allah dan justeru itu pengagungan dan perhiasan semata-mata bukan menjadi matlamat senibina Islam kerana yang penting sebagai satu kemudahan kepada umat Islam untuk melaksanakan ajaran Islam itu sendiri. Ia dilahirkan hasil kreativiti dan inovasi umat, artis, seniman dan arkitek Muslim dengan memadukan nilai seni bermutu tinggi dengan penggunaan corak, warna dan reka bentuk yang berpaksikan ajaran Islam. Dengan lain perkataan, 'Senibina' Islam mencerminkan realiti ciptaan Allah S.W.T, di mana melalui sains kedua-dua struktur senibina dan ciptaannya didasarkan yang mana seni ini terasas di atas kerahiman dan barakah kerana binaannya menurut wahyu al-Quran yang menjadikan penyesuaian senibina kudus dengan alam tabi'i di mana pertaliannya begitu erat dengan kerohanian.¹⁶

Islam wujud selepas atau sezaman dengan beberapa agama besar yang lain di dunia. Lantaran itu dari segi budayanya nampak ada semacam persamaan dan kesinambungan dari segi bentuk-bentuk dan ciri-cirinya, khususnya dari segi senibina. Walau bagaimanapun dari penelitian yang khusus kita dapat membezakan senibina Islam dengan senibina yang lain.¹⁷

¹³ Amir A. Rahman (1991), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 141.

¹⁴ *Ibid.*, h.141.

¹⁵ Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin (1992), *Konsep Seni Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 64.

¹⁶ *Ibid.*, h. 64-65.

¹⁷ Othman Mohd. Yatim (1989), *Warisan Kesenian dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 27.

Terdapat pelbagai jenis binaan atau bangunan Islam sama ada yang berbentuk keagamaan mahupun yang bukan berbentuk keagamaan. Bangunan-bangunan bercorak keagamaan adalah terdiri daripada masjid, madrasah, tempat belajar agama yang khusus (monastery) dan makam-makam. Satu lagi binaan yang termasuk di dalam bentuk-bentuk senibina Islam ialah tugu-tugu, kota-kota ataupun tembok-tembok. Di peringkat awal perkembangan Islam di negara-negara Arab, tugu-tugu atau kota-kota ini digunakan sebagai benteng pertahanan iaitu untuk mempertahankan kota-kota dan bandar-bandar Islam daripada serangan pihak musuh. Kini kota-kota itu menjadi lambang perjuangan pejuang-pejuang Islam awal dan mercu tanda sesebuah Bandar dan kota atau negara Islam.¹⁸

Manakala bangunan yang bukan berbentuk keagamaan yang terpenting ialah istana-istana diraja, bangunan pentadbiran, muzium dan sebagainya. Sejak mulanya, khususnya pada zaman Umayyah, istana-istana terletak di padang pasir. Kemudian ia dibina pula di dalam bandar-bandar dan biasanya berhampiran dengan masjid.

Terdapat beberapa ciri senibina Islam seperti ditekankan oleh Qurasyi iaitu mempunyai ruang untuk kemasukan cahaya yang mencukupi sesuai dengan persekitaran bagi keselesaan, bahan perhiasan yang ditonjolkan ialah tulisan khat atau kaligrafi petikan ayat al-Quran dan hadith untuk mewujudkan rasa harmoni, mempunyai ruang yang memisahkan antara kaum lelaki dan perempuan, reka bentuk sesuai dengan keadaan dan iklim setempat, perabot dan kelengkapan hendaklah sederhana dan indah, bercirikan luahan perasaan, keamanan, ketenangan dan keheningan dan tidak wujud unsur pertentangan antara kerohanian dan kebendaan atau dunia akhirat serta faktor keselamatan dan jangka hayat bangunan yang panjang, kukuh, selesa dan selamat digunakan.¹⁹

Mengikut Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Idrus Syed Mat Zin, dalam buku, *Tamadun Islam*, ciri-ciri senibina Islam adalah seperti berikut iaitu melambangkan keislaman dan berlandaskan kepada tauhid dan Allah, terdapat ruang pemisah antara lelaki dan perempuan, termasuk tandas. Reka bentuk bangunan masjid sesuai dengan keadaan dan iklim setempat. Perabot dalam bangunan tersebut mestilah sederhana dan indah. Bercirikan luahan perasaan, keamanan, ketenangan dan tidak wujud sebarang pertentangan antara unsur kerohanian dengan kebendaan atau keduniaan dengan keakhiratan. Mengutamakan kemasukan cahaya matahari ke dalam bangunan semaksimum yang boleh. Ini sesuai dengan keadaan alam semulajadi dan memberi keselesaan kepada umat Islam yang melakukan ibadat di dalamnya. Selain itu, hiasan yang indah juga terdapat di bahagian dalam dan bahagian luar masjid. Keselamatan bangunan hendaklah kukuh dan selamat digunakan untuk jangka masa yang lama. Keadaan ini terbukti di mana terdapat masjid dan bangunan yang didirikan hampir 1000 tahun masih utuh dan boleh digunakan dengan selamat (Ab. Alim Abdul Rahim dan Syed Idrus Syed Mat Zin, 1990 : 142).²⁰

Senibina Islam, secara amnya bolehlah ditafsirkan sebagai senibina yang melambangkan sesuatu kebudayaan yang berasaskan agama Islam. Tetapi ia bukanlah hasil seni sesuatu bangsa atau tempat, ia adalah hasil pelbagai tempat dan taraf kebudayaan. Kalau diteliti bangunan-bangunan yang didirikan

¹⁸ *Ibid.*, h. 29.

¹⁹ *Ibid.*, h. 433.

²⁰ Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan (1999), *Tamadun Dunia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 530.

oleh umat Islam di seluruh dunia ini akan kelihatan beberapa ciri yang wujud di dalam hampir semua senibinanya. Antaranya ialah²¹:

- (a) Perhatian atau fokus pada ruang dalam lebih daripada bahagian depan atau bahagian luar bangunan. Ruang dalam digunakan bagi menimbulkan suasana yang selesa dan lebih bersifat persendirian.
- (b) Bahagian luar bangunan tidak memberi gambaran tentang organisasi atau kegunaan bangunan. Sifat tersembunyi ini dapat dilihat hanya apabila seseorang memasuki bangunan itu.
- (c) Bangunan-bangunan senibina Islam boleh digunakan untuk pelbagai fungsi. Contohnya Madrasah Shah di Isfahan, Iran digunakan sebagai madrasah, masjid dan tempat singgah para pedagang (caravanseran).
- (d) Kubah, gerbang dan kekubah merupakan elemen penting dalam senibina Islam. Kubah yang merupakan simbol kosmos yang menghubungkan dunia dengan akhirat memberikan pengertian tiga dimensi dalam senibina. Elemen-elemen ini digunakan dengan meluas sekali dalam senibina di kawasan Asia Barat.
- (e) Satu lagi ciri yang penting ialah keadaan bangunan “ kelihatan ringan “ ini dicapai dengan mengadakan dekorasi-dekorasi ukiran, dinding yang ke dalam (recessed walls window) tingkap palsu dan lain-lain pada reka bentuk bangunan.
- (f) Penggunaan elemen-elemen senibina yang berulang-ulang juga merupakan salah satu ciri senibina Islam. Ini jelas dapat dilihat pada pintu gerbang dan tiang. Dekorasi pada bangunan sama ada berbentuk geometri ataupun motif tumbuh-tumbuhan.
- (g) Ciri-ciri dekorasi seperti sistem yang berulang-ulang menggunakan motif tumbuh-tumbuhan tidak semuanya wujud dalam bangunan-bangunan Islam, tetapi diubah-ubah mengikut tempat atau daerah, supaya sesuai dengan taraf kebudayaan, bangsa , iklim dan bahan binaan setempat.
- (h) Dekorasi dalam senibina Islam terbahagi kepada beberapa jenis:
 - Seni tulis - merupakan tulisan khat ayat-ayat daripada kitab suci al-Quran yang digunakan sebagai dekorasi pada dinding, kubah, menara dan hiasan dalaman.
 - Bentuk-bentuk geometri- bentuk geometri segi empat, pentagon, heksagon dan lain-lain digunakan sebagai bentuk asas bagi melahirkan corak yang pelbagai jenis. Ia digunakan berulang-ulang.
 - Corak motif tumbuhan- bentuk-bentuk corak seperti bunga, daun, pokok dan lain-lain digunakan sebagai motif untuk hiasan, sama ada berupa ukiran, lukisan ataupun hiasan atas jubin.
 - Hiasan Arabesque- merupakan bentuk-bentuk tumbuhan dan pokok bunga atau daun yang digunakan berselang-seli secara abstrak. Bentuk-bentuk tumbuhan ini diukir atau dilukis secara simetri di seluruh permukaan objek yang dihiasi. Bentuk ini amat popular di kawasan Asia Barat, terutama sekali Iran.

²¹ Zulkifli Hanafi (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 164-166.

Senibina Islam sama ada bangunan-bangunan berunsur keagamaan atau tidak, satu perkara yang agak ketara dan jelas iaitu ciri-ciri kepelbagaian dalam kesatuannya walau di bumi mana bangunan-bangunan itu didirikan. Kepelbagaian dalam kesatuan ini dapat dilihat pada bentuk-bentuk bangunan dan bahan-bahan binaan yang telah digunakan dalam pembinaannya serta fungsinya. Kepelbagaian bentuk dan bahan binaan itu banyak dipengaruhi oleh alam persekitaran dan latar belakang sejarah dan budaya. Sementara kesatuannya jelas terlihat dari segi fungsi atau kegunaan bangunan-bangunan tersebut yang diarah oleh agama.²²

Oleh itu, Islam yang mula bertapak di dunia Melayu selewat-lewatnya abad ke-12 dianuti oleh sebahagian besar penduduk di rantau ini. Salah satu tanda yang menunjukkan adanya penganut agama itu ialah bangunan masjid. Masjid ialah bangunan Islam yang dikenali juga sebagai 'rumah Allah'. Tujuan asal masjid dibina ialah untuk mengerjakan sembahyang secara berjemaah, berdakwah dan untuk menjalankan berbagai-bagai aktiviti yang ada hubung kaitnya dengan kepentingan masyarakat Islam.

Masjid-masjid di Malaysia terbahagi kepada dua jenis. Pertama, ialah masjid berbentuk tradisional yang belum dipengaruhi oleh elemen-elemen dari luar Kepulauan Melayu. Kedua, ialah masjid-masjid yang dipengaruhi oleh kebudayaan Asia Barat dan senibina Islam di India yang dibawa masuk ke Malaysia semasa penjajahan Inggeris pada kurun ke-18.²³

Masjid yang dipengaruhi gaya tradisional menunjukkan pengaruh kuat dari iklim, topografi, suasana persekitaran dan cara hidup Melayu. Iklim, topografi dan persekitaran menyebabkan jurubina melayu mereka masjid yang sesuai dengan suhu yang tinggi sepanjang tahun, curahan hujan yang lebat dan kelembapan yang tinggi. Atap yang tinggi, lereng atap yang curam membolehkan air hujan mengalir dengan cepat, selain memudahkan aliran hujan, ketinggian dan kecuraman membolehkan udara bergerak dengan bebas. Pengaruh iklim juga dilihat sebagai fakta masjid tradisional dibina lebih tinggi dari tanah rata kerana faktor banjir.²⁴

Cara hidup masyarakat Melayu memberi pengaruh yang kuat pada senibina masjid terawal. Setiap masjid tradisional yang dibina di Malaysia mempunyai pelbagai gaya senibina masing-masing yang mencerminkan identiti kumpulan etnik yang berbeza dalam masyarakat Melayu yang pelbagai budaya pada dasarnya.²⁵ Beberapa masjid tradisional yang masih ada sehingga sekarang terletak di Kelantan, Perak, Melaka dan lain-lain lagi yang masih berfungsi dan utuh senibinanya walaupun ada di antaranya yang diperbuat dari kayu. Antara masjid-masjid tradisional adalah Masjid Kampung Laut di Nilam Puri Kelantan, Masjid Kampung Tinggi berhampiran Bagan Serai Perak, Masjid Tengkeri di Melaka dan sebagainya.

Apabila orang Melayu mulai memasuki zaman moden, senibina tempatan juga berubah. Bentuk rumah mereka bertukar corak daripada rumah berbumbung panjang yang melambangkan senibina tradisi kepada rumah berbumbung limas yang merupakan bentuk senibina moden. Masjid yang dibina

²² Mahayudin Hj. Yahaya (1998), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 433-434.

²³ Zulkifli Hanafi (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 229.

²⁴ Abdul Halim Nasir (1984), *Mosques Of Peninsular Malaysia*, Selangor: Sun U Book Co. Sdn. Bhd, h. 14.

²⁵ *Ibid.*, h. 14.

oleh orang Melayu juga yang dulunya dikenali atap tumpang kini bertukar kepada bangunan konkrit dan berkubah potong bawang, berperabung lima atau bentuk limas.²⁶

Selain itu, masjid dengan kubah berbentuk bawang atau “kubah” s, diperkenalkan pada awal abad ke-20 menjadi daya tarikan kepada pencinta-pencinta senibina masjid baru membina masjid dalam daya yang sama di seluruh Malaysia. Masjid dengan kubah berbentuk bawang dan berbentuk petak pertama kali dilihat pada permulaan abad ini. Ia diinspirasi oleh gaya senibina masjid di Timur Tengah dan India. Menurut teori penulis (Abdul Halim Nasir dalam bukunya, *Mosques Of Peninsular Malaysia*, penjajah British juga bertanggungjawab memperkenalkan masjid gaya ini untuk menyenangkan pemerintah Melayu dan masyarakat Melayu amnya sementara mereka melakukan kawalan terhadap Semenanjung Malaysia. Pihak British, atas permintaan pemerintah Melayu, membina sejumlah masjid dengan gaya senibina Maghribi atau India Muslim. Masjid dengan kubah berbentuk bawang biasanya dibina berdekatan istana-istana pemerintah Melayu, misalnya Masjid Ubudiah di Bukit Chandan di Kuala Kangsar Perak dan Masjid Abu Bakar di Johor Bharu.²⁷

Di samping itu, dalam kurun ke-20, ciri baru senibina masjid muncul di Malaysia terutamanya di Semenanjung Malaysia. Masjid berkubah seperti bentuk bawang seperti yang terdapat di Afrika, Timur Tengah dan India mula mendapat tempat dalam pembinaan bangunan masjid baru. Masjid-masjid ini, khususnya di kawasan bandar, terletak pula berhampiran istana sultan, telah meniru gaya senibina Moorish, Arab dan India Muslim. Ciri-ciri seperti menara azan yang tinggi dan kubah mendapat tempat di hati Raja-raja Melayu, yang dikatakan bertanggungjawab memperkenalkan senibina itu di negara ini. Antara masjid terawal yang dibina mengikut senibina tersebut ialah Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, Perak; Masjid Zahir di Alor Setar, Kedah; Masjid Sultan Alauddin di Jugra, Selangor; Masjid Besar Al-Muhammadi di Kota Bharu, Kelantan dan Masjid Sultan Zainal Abidin di Kuala Terengganu. Ia kemudiannya menjadi model kepada masjid-masjid yang dibina selepas itu dan masih kekal hingga ke hari ini.²⁸

LATARBELAKANG MENGENAI MASJID BESI, PUTRAJAYA.

Sebelum bermula pembinaan Masjid Besi, Putrajaya,²⁹Putrajaya yang dulunya pernah menerima kecaman daripada pelbagai pihak di awal pembinaannya kerana menganggap ia satu pembaziran. Namun, belum pun mencecah usia 10 tahun pengisytiharannya sebagai Wilayah Persekutuan, Putrajaya telah meletakkan dirinya dalam peta dunia sebagai tempat yang wajib dilawati oleh pelancong yang berkunjung ke Malaysia. Ini kerana ia mempunyai panorama yang menarik, berbeza, moden dan unik tanpa menjejaskan unsur-unsur semulajadinya sehingga diberi jolokan sebagai Bandar Dalam Taman.³⁰

Selain itu, Putrajaya juga mempunyai pelbagai binaan dan elemen-elemen lain yang boleh menggamit kedatangan pelancong untuk berkunjung di sini seperti Masjid Putra, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Istana Keadilan, Taman Botani, Tasik Putrajaya dan sebagainya.

²⁶ Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh (1997), *Warisan Seni Bina Melayu*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 17.

²⁷ Abdul Halim Nasir (1984), *Mosques Of Peninsular Malaysia*, Selangor: Sun U Book Co. Sdn. Bhd, h. 17.

²⁸ t.p, (1998), *MASJID: Sejarah, ciri-ciri pembentukan dan pembinaan masjid-masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur : Puncak Awal(M) Sdn. Bhd., h. 275-276.

²⁹ Sejarah Latar Belakang Masjid, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011.

³⁰ Zuarida Mohyin, *Seni Bina Unik ' Masjid Besi'*, Utusan Malaysia, 5 Mei 2005, hlm. 2.

Putrajaya merupakan sebuah bandar terancang yang dibina dari *Greenfields*.³¹ Ilham pembinaan Putrajaya timbul semasa pemerintahan mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohammad. Idea asal pembinaan masjid ini dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin, mantan Presiden Perbadanan Putrajaya. Idea ini kemudiannya diteruskan ke peringkat perlaksanaannya oleh Presiden Perbadanan Putrajaya sekarang yang juga merupakan mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.³²

Dengan pembinaan Masjid Besi, maka bertambahlah satu lagi daya tarikan di Putrajaya yang turut menjadi mercu tanda Putrajaya. Malahan, idea pembinaan ini terangkum dalam perancangan keseluruhan Putrajaya. Pihak Perancang Bandar telah memasukkan dalam Pelan Induk Putrajaya untuk dibina dua (2) buah masjid utama di Putrajaya iaitu Masjid Putra (Presint 1) yang siap pada tahun 2001 dan Masjid Bandaraya (Presint 3) siap pada tahun 2009. Masjid Bandaraya Presint 3 yang pada mulanya dikenali sebagai Masjid Besi, kemudiannya telah diberi nama rasmi iaitu Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin baru-baru ini.³³

Masjid Besi atau telah dinamakan secara rasmi sebagai Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin diambil sempena nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Masjid ini mula dibina pada 5 April 2004 yang kemudiannya telah diserahkan pengurusannya kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 19 Ogos 2009.³⁴

Masjid yang bernilai RM 200 juta ini merupakan satu-satunya masjid yang menggunakan 6000 tan besi atau 70 peratus bahan binaan dengan baki 30 peratus lagi adalah konkrit. Komponen utama pembinaan masjid ini ialah bangunan masjid dan Kiblat Walk iaitu laluan pejalan kaki yang menghubungkan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PJC) dengan Masjid Besi.³⁵ Bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan Masjid Besi, Putrajaya kebanyakannya diimport dari luar negara iaitu Jerman (besi), Itali (karpet) dan Jepun (pencahayaan) yang mana sebanyak 80 %serta hanya 20 % sahaja bahan dari dalam negara.

Bagi memastikan masjid ini siap seperti dalam perancangan, pihak Perbadanan Putrajaya telah melantik pihak konsultan dari KLCCPSB(KLCC Property Holdings Berhad di Putrajaya,Malaysia)bagi mengawasi dan menyelia projek ini yang mana pembinaannya dilaksanakan oleh pihak kontraktor Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB).³⁶ Sebelum masjid ini diserahkan kepada pihak Jabatan Kemajuan

³¹Kawasan di sekitar masjid ini dilihat seolah-olah seperti *Padang Hijau* kerana dikelilingi oleh pokok-pokok dan rumput yang menghijau. Hasil penelitian penulis semasa menjalankan kajian di Masjid Besi pada 22 Mac 2011, jam 9.00 pagi.

³²Temubual dengan Encik Faridz Amlı, Jurutera Perbadanan Putrajaya tentang Reka bentuk Masjid Besi, Putrajaya 22 Mac 2011, jam 3.30 petang.

³³Temubual dengan Encik Faridz Amlı, Jurutera Perbadanan Putrajaya tentang Reka bentuk Masjid Besi, Putrajaya 22 Mac 2011, jam 3.30 petang. Lihat juga Sejarah Latar Belakang Masjid, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011.

³⁴ Sejarah Latar Belakang Masjid, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011.

³⁵*Ibid.*

³⁶KLCCPSB dan AZRB adalah dua syarikat yang bekerjasama dalam mereka bentuk dan membina Masjid Besi, Putrajaya. *Ibid.*

Islam Malaysia (JAKIM), tanggungjawab terhadap pengurusan, pembaikan dan penyelenggaraan Mekanikal & Elektrikal adalah di bawah tanggungan pihak kontraktor dan dikawal selia oleh pihak konsultan. Manakala sistem bekalan saliran adalah di bawah akta pengurusan bekalan air yang diselia oleh pihak SYABAS.³⁷

Masjid ini juga menjadi tempat pekerja-pekerja di jabatan-jabatan berhampiran seperti Perbadanan Putrajaya, Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang dan Istana Kehakiman atau "PALACE OF JUSTICE" untuk mengerjakan sembahyang terutamanya pada waktu Zohor dan Asar secara berjemaah. Selain itu juga, masjid ini juga menjadi tempat penyebaran dan pengajian ilmu sama ada ilmu akli atau ilmu nakli kepada masyarakat khususnya masyarakat yang berada di sekitar Putrajaya.³⁸

REKA BENTUK MASJID BESI DAN HUBUNGANNYA DENGAN SENIBINA ISLAM

Reka bentuk dan senibina masjid ini adalah berdasarkan kepada unsur-unsur kebudayaan Islam dan Melayu di mana pembinaan lantai-lantai utama adalah di atas tiang-tiang yang ditinggikan. Masjid ini masjid yang terbesar di Asia Tenggara ini, yang mana keluasan keseluruhan masjid termasuk tempat letak kereta ialah 73,795 meter persegi. keluasan masjid sahaja ialah 60,200 meter persegi dan ketinggiannya mencapai 30 meter, anggaran ketinggian bangunan 10 tingkat.³⁹ Ia boleh memuatkan 20,000 orang jemaah dalam satu-satu masa dibina untuk tujuan sebagai pusat ibadat yang selesa dan pusat penyampaian ilmu kepada masyarakat sekitar dan luar negara.

Di antara komponen-komponen reka bentuk yang terdapat pada masjid ini ialah kubah, menara, dewan sembahyang, mimbar, bilik wuduk, pancutan air dan sebagainya yang menghiasi dan memenuhi ruang masjid. Yang akan dibincangkan di dalam artikel ini ialah lima komponen reka bentuk iaitu mimbar, mihrab dan kubah, dewan solat utama dan pintu gerbang masjid, iaitu :

a) Mimbar

Mimbar adalah satu komponen yang terletak di sebelah kanan imam, berperanan sebagai tempat menyampaikan risalah Islam, seperti khutbah Jumaat.

Selain itu, sesetengah reka bentuk mimbar terdapat kubah kecil di atasnya sama ada berbentuk piramid atau bulat. Walau bagaimanapun, bentuk mimbar ini bergantung kepada taraf pertukangan sesuatu tempat.⁴⁰

³⁷ *Ibid.*

³⁸ <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>.

³⁹ Utusan Malaysia, Mei 5, 2005:4, "Seni Bina Unik ' Masjid Besi'".

⁴⁰ Zulkifli Hanafi (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 184.

Di atas mimbar ini disediakan sebuah kerusi yang digunakan oleh khatib sebelum membaca khutbah. mimbar masjid ini ditinggikan kedudukannya yang mana terdapat beberapa anak tangga untuk naik ke mimbar. Mimbar ini juga mempunyai kubah kecil berbentuk bulat di atasnya.⁴¹

Mimbar masjid ini adalah hasil kreatif arkitek tempatan direka oleh pihak Arkitek Kumpulan Senireka. manakala pemasangannya dibuat oleh pihak kontraktor Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB). Selain itu, mimbar masjid ini diperbuat daripada batu marmar putih yang menambahkan lagi keindahan dan keunikan pada binaannya.

Menurut seorang jurutera di Perbadanan Putrajaya, reka bentuk mimbar ini mengikut ciri-ciri senibina Islam seperti ukiran tulisan ayat-ayat suci al-Quran. Ukiran-ukiran tersebut melambangkan kekudusan yang dilihat dari segi struktur binaan dan fungsinya menarik manusia untuk berkumpul dalam satu kesatuan ibadat untuk mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Struktur seni binanya di samping mempunyai bentuk-bentuknya yang unik lagi simbolik, merupakan hasil dari keharmonian dan keseimbangan antara 'Seni Bina', 'Seni Ukir' dan 'Seni Khat' yang menjadi hakikat keindahan.⁴²

b) Mihrab

Di bahagian hadapan dewan sembahyang utama terletak mihrab yang menjadi tempat imam mengetuai solat. ia menjadi penunjuk arah kiblat. Kebanyakan mihrab dibina ke dalam dari garisan dinding kiblat dengan berbagai-bagai bentuk seperti separuh bulatan dan silinder menegak atau bujur. Ukurannya ada yang kecil dan ada yang besar serta bentuknya di bahagian hadapan adalah pelbagai dan biasanya penuh dengan hiasan geometri dan tulisan khat ayat-ayat al-Quran.

Mihrab masjid ini adalah hasil kreativiti arkitek tempatan yang mana ia direka oleh pihak Arkitek Kumpulan Senireka. Reka bentuk mihrab ini sangat unik dan pemasangannya dibuat oleh pihak kontraktor Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB). Mihrab yang terdapat di masjid ini juga sangat cantik yang mana padanya terdapat ukiran-ukiran ayat suci al-Quran yang dilakar pada kepingan cermin yang mempunyai ciri anti-pantulan cahaya yang memberi kesan seolah-olah tulisan ayat-ayat suci tersebut terapung-apung di udara. Di samping itu, mihrab masjid ini juga diperbuat daripada marmar putih yang diimport untuk memberi kelainan dan kelihatan menarik. Bahagian tengah dinding mihrab ditinggikan dua tiang yang menggunakan batu marmar Turki. Corak mihrab ini dihiasi dengan ayat suci al-Quran dan tulisan khat dari dalam dan luar negara.

Imam Besar Masjid Besi, Putrajaya, Ustaz Haji Abdul Rani bin Osman, berpendapat mihrab ini memberikan tanggapan sebuah pintu atau jalan ke Makkah kerana binaannya menghadap kiblat.

c) Kubah

Kubah adalah salah satu binaan yang penting dalam setiap senibina masjid. Penggunaan kubah bergantung kepada keadaan dan budayasesuatu tempat, berbeza antara satu tempat

⁴¹ Berdasarkan pemerhatian penulis di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, pada 22 Mac 2011.

⁴² Dr. Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin, (1992), *Konsep Seni Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, hlm. 64.

dengan tempat yang lain. Pelbagai jenis hiasan terdapat pada kubah seperti motif tumbuh-tumbuhan dan bentuk geometri.

Kubah yang terdapat pada Masjid Besi, Putrajaya adalah unik kerana mempunyai ukiran kalimah Allah di bahagian tengah, dalam kubah tersebut. Reka bentuk kubah ini berkonsepkan kontemporari seiring dengan reka bentuk moden masjid-masjid yang terdapat di dalam ataupun di luar negara. Kubah tersebut bergaris pusat 48 meter (157 kaki), menggunakan bahan 'Composit Stainless Steel' yang merupakan bahan tempatan.⁴³ Bagi memastikannya kalis air dan mengelak dari berlaku kebocoran. Oleh itu, sebanyak 3 lapisan disediakan dan setiap lapisan dilengkapi dengan titi bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan pada masa akan datang. Kubah ini kelihatan seperti berlangit-langit kesan daripada 3 lapisan tersebut dan pencahayaan lampu yang terdapat dalam masjid.

Menurut seorang jurutera yang ditemuramah,⁴⁴ kubah yang kelihatan berlangit-langit seumpama 7 lapisan langit yang mana setiap lapisan langit mempunyai fungsinya yang tersendiri.⁴⁵ bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah Fussilat ayat 12,



Maksudnya : Lalu diciptakan-Nya tujuh langit dalam dua masa dan pada setiap langit Dia mewahyukan pada tiap-tiap langit urusannya. Kemudian langit yang dekat (dengan bumi), Kami hiasi dengan bintang-bintang, dan Kami memeliharanya dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan (Allah) yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.⁴⁶

Berdasarkan penjelasan Encik Amri dan ayat di atas, penulis merumuskan bahawa pembinaan kubah yang kelihatan berlangit-langit adalah simbolik kepada tujuh petala langit yang diciptakan oleh Allah S.W.T. dan hanya Dia yang tahu rahsia di sebalik langit-langit tersebut. Manakala kita sebagai hamba-Nya mestilah menikmati keindahan ciptaan-Nya dengan penuh rasa syukur atas kebesaran-Nya.

d) Dewan Solat Utama

Dewan solat utama adalah bahagian utama dan ruangan terbesar dalam sesebuah binaan masjid. Ia biasanya terletak di bahagian tengah masjid yang memanjang menghadap Kiblat.⁴⁷ Ia berfungsi sebagai tempat menunaikan solat di samping melakukan aktiviti seperti tadarus al-Quran, perbincangan dan pengajian agama.

⁴³Temubual dengan Encik Faridz Amlı, Jurutera Perbadanan Putrajaya tentang Reka bentuk Masjid Besi, Putrajaya 22 Mac 2011, jam 3.30 petang.

⁴⁴Encik Faridz Amlı.

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶Al-Quran, *Surah Fussilat*, ayat 12.

⁴⁷Zulkifli Hanafi (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 181.

Dewan solat utama masjid ini boleh memuatkan **12,000 orang jemaah** dalam satu-satu masa. Apa yang menarik,, dewan solat tersebut tidak menggunakan kipas atau penghawa dingin sebaliknya menggunakan teknologi gas penyejuk udara (gas district cooling) yang memastikan jemaah dapat melaksanakan ibadat dalam keadaan tenang dan selesa. Dewan solat ini dikelilingi kolam air yang kelihatan bersambung dengan air tasik di luar masjid.⁴⁸

Menurut Faridz Amlil,⁴⁹ terdapat beberapa kata kunci yang mempengaruhi aspek reka bentuk masjid ini. Iaitu 'Open, Airy, Light dan Modern' (terbuka, berangin, ringan, telus dan moden). Aspek terbuka bermaksud sebaik sahaja apabila seseorang memasuki ruang dalam masjid ini. Idea atau konsep utama reka bentuk masjid diperolehi dari surah Al-Baqarah, ayat 57 di mana Allah S.W.T telah berfirman, "dan Kami naungi kamu dengan awan...." Ayat ini menceritakan bahawa dalam satu perjalanan Rasulullah s.a.w dari Makkah ke Syam, Rasulullah s.a.w telah pun dilindungi daripada panas terik matahari oleh awan sepanjang perjalanan Rasulullah s.a.w. Awan ini pula diterjemahkan ke reka bentuk bangunan Masjid Tuanku Mizan yang mempunyai bumbung (Bumbung Rata) yang besar dan luas untuk membolehkan Dewan Solat Utama yang terbuka.

Aspek yang kedua pula ialah aspek 'berangin', yang mana mempunyai ruang dalam masjid yang nyaman (berangin) kerana luas dan terbuka, dan kedudukan masjid yang terletak di tepi tasik yang dipenuhi oleh ion-ion udara yang positif, segar dan bersih memasuki ke ruang solat masjid.

Manakala aspek yang ketiga adalah aspek ringan yang membawa maksud tiada struktur-struktur konkrit besar digunakan, sebaliknya menggunakan bahan besi. Besi digunakan sebagai struktur utama kerana menyenangkan dan mempercepatkan kerja-kerja pembinaan. Ia dapat difabrikasikan dan dibentuk di kilang sebelum dibawa dan dipasang ke tapak pembinaan. Penggunaan besi juga lebih sesuai untuk sebuah bangunan yang mempunyai 'Volume' yang besar berbanding bahan konkrit yang sukar digunakan di kawasan-kawasan tinggi bangunan

Aspek keempat ialah aspek ketelusan yang dizahirkan kepada kita bahawa sebagai manusia hanya hidup di dunia untuk sementara waktu sahaja dan apa-apa perkara yang dilakukan oleh setiap manusia akan diketahui Allah S.W.T. Setiap manusia tidak boleh berselindung di mana-mana tempat ataupun dengan apa-apa perbuatan. Konsep ketelusan ini diterjemahkan ke reka bentuk bangunan dengan mereka bentuk sebuah masjid yang terbuka tanpa dinding. Sebaliknya, masjid ini dilindungi oleh Skrin Mashrabiyah. Skrin Mashrabiyah diperbuat daripada kombinasi struktur besi atau 'steel latticework' dan anyaman besi tahan karat atau 'Architectural Woven Wire Mesh' yang diimport dari Jerman.

Manakala aspek yang terakhir ialah aspek moden, dapat dilihat dari segi penggunaan kemas-kemas yang terkini seperti siling, dinding dan tiang kaca, perkakasan lampu. Ini mencerminkan Islam adalah agama yang progresif mengikut peredaran zaman.

⁴⁸ Kemudahan, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011.

⁴⁹ Jurutera Perbadanan Putrajaya. Temubual pada 22 Mac 2011

Secara keseluruhannya reka bentuk dewan solat utama adalah luas menepati ciri-ciri senibina Islam seperti sistem pencahayaan dan pengudaraan yang menembusi ruangan ini, memberikan keselesaan dan ketenangan kepada para jemaah dalam melakukan ibadat .

e) Pintu Gerbang Masjid

Pintu gerbang adalah salah satu binaan yang pertama sekali dilihat oleh para pengunjung apabila mengunjungi masjid. Setiap masjid mempunyai pintu gerbangnya yang tersendiri sama ada besar atau kecil, mempunyai ukiran-ukiran seperti ukiran geometri, ayat-ayat al-Quran, bunga-bunga dan sebagainya.

Pintu gerbang Masjid Besi, Putrajaya yang dinamakan sebagai Pintu Imam Malik adalah salah satu binaan yang paling unik dan menarik yang pernah dilihat oleh penulis pintu gerbangnya dihiasi dengan ukiran Asma Ul-Husna, diukir pada tiang-tiang di kiri dan kanan pintu gerbang, bermula dari atas iaitu bumbung dan berakhir di bawah, seolah-olah turun dari langit kerana setiap ukiran nama-nama Allah tersebut

Menurut Encik Faridz Amlil lagi, lima tiang yang terdapat di sebelah kiri dan kanan pintu gerbang masjid umpama solat lima waktu sehari semalam iaitu Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh . Konsep reka bentuk pintu gerbang masjid ini bertepatan dengan tuntutan agama iaitu menunaikan solat lima waktu dan adalah tiang agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam.

Reka bentuk pintu gerbang masjid ini adalah sangat unik dan indah. Sesiapa sahaja yang melihat dan melaluinya akan tertarik dan teruja melihat reka bentuk dan ukiran-ukiran yang terdapat padanya terutama ukiran Asma Ul-Husna .

Kesimpulannya, setiap komponen-komponen Masjid Besi atau nama rasminya, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin merupakan sebuah binaan yang cantik dan indah serta mampu menyaingi senibina-senibina yang lain. Walaupun reka bentuknya berkonsepkan senibina moden tetapi masjid ini masih lagi mengekalkan ciri-ciri senibina Islam.

KESIMPULAN

Masjid Besi merupakan sebuah masjid yang mempunyai reka bentuk yang unik, menarik dan tersendiri. Reka bentuk yang dihasilkan oleh pereka tempatan mempunyai pengaruh senibina Islam berkonsepkan satu waqaf yang besar. Ciri-ciri senibina Islam tersebut dari segi sistem pencahayaan, pengaliran udara yang banyak, pengasingan tempat solat antara lelaki dan wanita serta pembinaan masjid yang menghadap kiblat. Senibina Masjid Besi ini, menjadi lambang keagungan senibina Islam.

Oleh itu, senibina Islam adalah senibina yang berkait rapat dengan senibina masjid. Bermula dari struktur bangunan yang sederhana pada zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah menjadi sebuah bangunan yang indah dan menarik. Penampilan corak serta perhiasan yang sederhana ,sesuai dengan ajaran Islam yang menganjurkan umat Islam bersifat dengan sifat kesederhanaan.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Abdul Halim Nasir, (1984), *Mosques Of Peninsular Malaysia*, Selangor: Sun U Book Co. Sdn. Bhd.

Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh, (1997), *Warisan Seni Bina Melayu*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amir A. Rahman, (1991), *Pengantar Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dr. Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin, (1992), *Konsep Seni Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Dr. Othman Mohd. Yatim, (1989), *Warisan Kesenian dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mahayudin Hj. Yahaya, (1998), *Tamadun Islam*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Manja Mohd. Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd. Nor, (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sivachandralingam Sundara Raja & Ayadurai Letchumanan, (1999), *Tamadun Dunia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zulkifli Hanafi, (1985), *Kompedium Sejarah Seni Bina Timur*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

t.p, (1998), *MASJID: Sejarah, ciri-ciri pembentukan dan pembinaan masjid-masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Puncak Awal(M) Sdn. Bhd.

Solehah Samsudin, (2008/2009), " Motif Senibina Islam dalam Dekorasi Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Yusmawati Mohamed Yusoff, (2003/2004), " Masjid Putra:Putrajaya : Rekabentuk dan Hubungannya dengan Senibina Islam", (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Ensiklopedia Dunia Melayu, Jilid 5 (1997), Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.

Noresah Baharom, et. al., *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Sejarah Latar Belakang Masjid, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011, 8.58 p.m.

Dewan Solat, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011, 9.03 p.m.

Aktiviti-Aktiviti dan Jadual Kuliah, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011, 6.27 p.m.

Kemudahan, <http://www.masjidtuankumizan.gov.my>, 18 Mac 2011, 6.27 p.m.